

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)57**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

57. Apakah perancangan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan kapasiti dan kualiti kemudahan kesihatan awam di negeri Pulau Pinang memandangkan terdapat peningkatan kadar pesakit?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

57. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) amat komited dalam usaha mengukuhkan penyampaian perkhidmatan Kesihatan terutamanya bagi menangani bilangan pesakit yang meningkat. Tindakan yang telah diambil oleh pihak JKNPP bagi meningkatkan kualiti kemudahan infrastruktur kesihatan rakyat di Negeri Pulau Pinang adalah dengan melaksanakan projek-projek menaik taraf, mengubahsuai dan pembaikan fasiliti kesihatan.

Antara projek-projek utama di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang telah disiapkan atau dijadualkan siap pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

- (a) Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Air Putih, Daerah Barat Daya yang berjumlah RM30 juta telah siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada 26 Februari 2024;
- (b) Projek Menaik Taraf Jabatan Kecemasan, Unit Forensik dan Patologi, Hospital Balik Pulau yang telah siap dan beroperasi pada 24 Mac 2023. Kos projek menaik taraf ini berjumlah RM25.35 juta;
- (c) Projek Pembinaan *Multi Storey Block*, Hospital Seberang Jaya yang dijangka siap pada hujung tahun ini dengan kos berjumlah RM486 juta. Kemajuan fizikal projek ini sehingga 2 Mei 2024 adalah sebanyak 94%; dan
- (d) Pembinaan Kuarters Hospital Pulau Pinang yang dijangka siap pada 21 Mei 2024 dengan kos berjumlah RM78.31 juta. Projek ini dijangka siap pada bulan ini.

Pelaksanaan projek-projek RMKe-12 ini adalah melalui tiga (3) fasa iaitu Fasa Pelaksanaan berjumlah RM954.84 juta, Fasa Pra-Perancangan berjumlah RM611.54 juta dan Fasa Pasca Pelaksanaan berjumlah RM25.35 juta. Perincian projek adalah seperti di **LAMPIRAN 1** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Seterusnya, projek fasiliti kesihatan berstatus pra-pelaksanaan di bawah peruntukan Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (ICU) pula adalah berjumlah RM4.14 juta adalah seperti berikut:

- (a) Projek Meroboh dan Membina Baharu Bangunan Jabatan Pesakit Luar dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Klinik Kesihatan Kubang Semang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang berjumlah RM3.6 juta; dan
- (b) Kerja-Kerja Membina Tangki Simpanan Air (Tangki Sedut) Tambahan dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Hospital Seberang Jaya berjumlah RM540,000.00.

Selain itu, projek-projek pembangunan lain yang berkaitan fasiliti kesihatan adalah seperti berikut:

- (a) Menaik taraf, mengubah suai dan membuat kerja-kerja pembaikan fasiliti kesihatan berjumlah RM5.5 juta seperti di **LAMPIRAN 2** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.;
- (b) Menaik taraf, mengubah suai dan membuat kerja-kerja pembaikan fasiliti kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah daif berjumlah RM500,000.00 seperti di **LAMPIRAN 3** yang akan

diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.;

- (c) Pembaikan klinik dan fasiliti daif berjumlah RM4.5 juta seperti di **LAMPIRAN 4** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.;
- (d) Menaik taraf dan pembaikan *Wellness Hub* berjumlah RM1.0 juta seperti di **LAMPIRAN 5** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.;
- (e) Pelaksanaan projek di bawah *Sinking Fund* (FEMS) berjumlah RM3.28 juta seperti di **LAMPIRAN 6** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.;  
dan
- (f) Pelaksanaan projek di bawah *Sinking Fund* (BEMS) berjumlah RM648 ribu seperti **LAMPIRAN 7** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Selain itu, pihak JKNPP juga mempunyai perancangan dan telah mengemukakan permohonan cadangan sepuluh (10) buah projek di bawah RMKe-12, *Rolling Plan 5* (RP5) Tahun 2025 dengan jumlah RM1.50 bilion bagi memantapkan kualiti kemudahan kesihatan di negeri Pulau Pinang pada masa hadapan. Perincian projek adalah

seperti di **LAMPIRAN 8** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.